

## NILAI “PERKAUMAN/KEMASYARAKATAN” SEBAGAI ALAT PEMBANGUNAN SOEHARTO DI INDONESIA

Lutfan Jaes<sup>1</sup>, (Fadillah Ismail<sup>2</sup> Zahrul Akmal Damini<sup>3</sup>, Fauziah Ani<sup>4</sup>  
Khairul Azman Mohd Suhaimy<sup>5</sup>)

<sup>1, 3, 4, 5</sup> Pusat Pengajian Umum dan Ko-Kurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,  
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor

<sup>2</sup> Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,  
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor

<sup>1</sup> [lutfan@uthm.edu.my](mailto:lutfan@uthm.edu.my); <sup>2</sup> [fadillah@uthm.edu.my](mailto:fadillah@uthm.edu.my); <sup>3</sup> [zahruld@uthm.edu.my](mailto:zahruld@uthm.edu.my);  
<sup>4</sup> [fauziaha@uthm.edu.my](mailto:fauziaha@uthm.edu.my); <sup>5</sup> [khairula@uthm.edu.my](mailto:khairula@uthm.edu.my)

### ABSTRAK

Kertas kerja ini memerihalkan Soeharto dan sistem nilai. Ia melihat peranan akal budi tempatan (local wisdom) sebagai nilai teras dalam membentuk watak kepimpinan seterusnya corak pembangunan Soeharto di Indonesia. Satu (1) penggal pemerintahan beliau dijadikan kajian untuk mengenal pasti, menyenaraikan dan menjelaskan sumber akal budi tempatan yang dominan. Metod penganalisan ialah analisis kandungan dengan menghuraikan rangkaian teks “Pidato Akhir Tahun”, “Pidato Kenegaraan” dan “Ucapan Partai”. Analisis awal pada mulanya melihat keutamaan nilai di setiap rangkaian teks yang disampaikan. Kemudian petikan kata setiap “perenggan teks” dianalisis lebih teliti bagi tujuan pengelompokan dimensi-dimensi (Dimensi Nilai) tertentu merujuk kepada perbincangan Nilai Asia. Perenggan teks di baca pada kali yang akhir bagi mengenal pasti nilai-nilai terbitan yang terhasil dari setiap Dimensi Nilai. Pengkodan data dilakukan dengan bantuan perisian *Archive for Technology, the Life World and Everyday Language. Text Interpretation (ATLAS)*.ti versi 7. Didapati bahawa Soeharto menjadikan siri rangkaian “Pidato Kenegaraan” sebagai siri utama dalam menyampaikan mesej nilai kepada rakyatnya. Walaubagaimanapun dimensi nilai “perkauman/kemasyarakatan” hanyalah dimensi nilai ketiga penting dalam penyampaian mesej pembangunan. Ini dilihat kurang signifikan berbanding ekspresi akal budi Jawa di sepanjang pemerintahannya. Manakala nilai terbitan “Kesatuan/Persatuan” dan nilai terbitan “Aman/Damai/Makmur/Sejahtera/Harmonis” merupakan nilai paling kerap dikemukakan dalam dimensi nilai tersebut. Di akhir kertas kerja ini, satu penjelasan terhadap aplikasi nilai dalam kepimpinan dan pembangunan Soeharto diperoleh. Kesimpulannya, pemimpin dengan manipulasi akal budi nilai tempatan mampu mencorak pembangunan yang lebih pragmatik dan berkesan. Pembedaan nilai budaya akal budi tempatan menjadi faktor penggerak kemajuan signifikan kepada kelangsungan pembangunan Indonesia khususnya dan Asia Tenggara umumnya.

**Kata kunci:** Soeharto, Sistem nilai, Akal budi tempatan, Perkauman/Kemasyarakatan

## **“COMMUNALISM/COMMUNITARIANISM” VALUE AS SOEHARTO’S DEVELOPMENT TOOL IN INDONESIA**

**Lutfan Jaes<sup>1</sup>, (Fadillah Ismail<sup>2</sup> Zahrul Akmal Damini<sup>3</sup>, Fauziah Ani<sup>4</sup>  
Khairul Azman Mohd Suhaimy<sup>5</sup>)**

<sup>1,3,4,5</sup> Centre for General Studies and Co-Curricular, Universiti Tun Hussein Onn  
Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor

<sup>2</sup> Faculty of Technology Management and Business, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor

<sup>1</sup> [lutfan@uthm.edu.my](mailto:lutfan@uthm.edu.my); <sup>2</sup> [fadillah@uthm.edu.my](mailto:fadillah@uthm.edu.my); <sup>3</sup> [zahruld@uthm.edu.my](mailto:zahruld@uthm.edu.my);  
<sup>4</sup> [fauziaha@uthm.edu.my](mailto:fauziaha@uthm.edu.my); <sup>5</sup> [khairula@uthm.edu.my](mailto:khairula@uthm.edu.my)

### **ABSTRACT**

This research paper mainly discusses Soeharto and his “Communalism/Communitarianism” value system. It focuses on the role of local wisdom as a fundamental value that has molded leadership character and style of Soeharto in Indonesia. A term during his leadership tenure was used by Soeharto to identify, list and explain the source of the dominant local wisdom. Content analysis was used as the method of analysis in to explain a series of “End of the Year Speech”, “Nationhood Speech” and “Party Speech”. Initial analysis on the speech texts showed that emphasis on values was given at every serie of the speeches delivered. Next, quotations of every paragraph in the speech texts were scrutinized for groupings of dimensions (Value Dimensions) specifically referring to Asian Values. The paragraphs of every text were recited for the final time in order to identify Derived Values originated from each of the Value Dimensions. Recordings of data were carried out by using *Archive for Technology, the Life World and Everyday Language. Text Interpretation (ATLAS).ti* version 7 software. It was discovered that Soeharto used his “Nationhood Speech” serie as his main medium to deliver values to his people. Value Dimension “Communalism/Communitarianism” was identified as the third most important value in his delivery of messages on development. Meanwhile, Derived Values “Unity/Oneness/Unit” and “Peaceful/Prosperous/Save/Harmonious” were values that frequently appeared in the dimension. At the end of this paper, an explanation on the application of these values in the leadership and development under Soeharto is obtained. In conclusion, a leader who manipulated local wisdom is capable of achieving development that is more pragmatic and effective. Reinvigorating the local wisdom is a significant factor that can catalyze a continuous development specifically in Indonesia and generally in the South East Asia.

Keywords: Soeharto, Value system, Local wisdom, Communalism/Communitarianism

## PENGENALAN

Kertas kerja ini merupakan kesinambungan daripada dua buah penulisan sebelumnya yang menjadikan nilai “Orientasi Kuasa” dan “Etika Kerja” sebagai alat pembangunan. Ia telah pun dibentangkan pada persidangan INSAN 3 pada 15 dan 16 November 2016 di Pekanbaru Riau, Indonesia dan pada persidangan ICoSTRD 2017 pada 18 dan 19 Oktober 2017 di Makassar Indonesia. Sehubungan dengan itu, penulisan kali ini ingin melihat nilai “Perkauman/Kemasyarakatan” pula sebagai alat pembangunan dalam sebuah negara.

Ia bertitik tolak daripada pelaksanaan akal budi tempatan/kearifan lokal (*local wisdom*) Bapa Pembangunan Indonesia iaitu Soeharto yang juga merupakan Presiden Indonesia ke 2. Negarawan unggul Indonesia dan Asia Tenggara ini berjaya menggerakkan tindakan-tindakan pragmatik dengan gaya kepimpinan dan penerapan nilai berkesan. Beliau mengambil semangat demokrasi barat namun pelaksanaannya cukup terbatas mengikut acuan sendiri. Keupayaan kepimpinannya telah membawa masyarakat berkembang maju dari satu tahap ke satu tahap yang lain.

Akal budi (*wisdom*) adalah merupakan satu falsafah serta konsep berkaitan kearifan dan kebijakan yang dipencarkan melalui nilai dan budaya sesuatu masyarakat. Sehubungan itu, “kearifan lokal” dapat difahami sebagai usaha manusia untuk menggunakan akal budinya untuk bertindak dan bersikap terhadap sesuatu, objek atau peristiwa dalam ruang tertentu. Secara etimologi *wisdom* (kearifan) difahami sebagai kemampuan seseorang dalam menggunakan akal fikirannya dalam bertindak atau bersikap. Kata *local* secara spesifik merujuk pada ruang interaksi terbatas dengan sistem nilai yang terbatas pula. Manakala ruang interaksi di dalamnya menghubungkan suatu pola-pola hubungan antara manusia dengan manusia atau manusia dengan lingkungan alam semula jadinya. Pola interaksi yang sudah tersusun dikenali sebagai *setting* (persekitaran). *Setting* adalah sebuah ruang interaksi tempat seseorang dapat menyusun hubungan sesama mereka (*face to face*) dalam lingkungannya. Sebuah *setting* kehidupan yang sudah terbentuk secara langsung akan menghasilkan nilai-nilai (Shafwan, 2013).

Dalam konteks kajian ini, terma nilai yang mendasari akal budi tempatan serta dimensi nilai yang akan di bincangkan datang dari perbahasan “Nilai Asia” (Asian Value). Nilai-nilai Asia adalah berdasarkan kepercayaan bahawa negara-negara di Asia mempunyai satu set lembaga dan ideologi unik mencerminkan budaya daerah dan sejarahnya tersendiri. Tiada definisi tunggal tentang istilah tersebut kerana penyokong nilai-nilai Asia datang dari latar berbeza-beza. Walaupun terdapat perbezaan yang begitu jelas, namun terdapat sekelompok nilai dan kepercayaan bersama yang diikuti oleh kebanyakan orang Asia sebagai panduan hidup di dunia ini. Nilai-nilai yang dikongsikan ini bolehlah dipanggil sebagai “nilai Asia”, sepertimana kelompok nilai bersama yang boleh dipanggil sebagai “nilai Barat” (Mahathir, 1999).

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Selama tiga puluh dua (32) tahun pemerintahan, Soeharto berjaya membangunkan kesatuan dan ekonomi Indonesia. Dalam banyak kajian sebelumnya, teras watak kepimpinan beliau ialah tradisional Jawa. Seluruh panduan dan pelaksanaan pemerintahannya didasarkan dengan nilai-nilai pembudayaan dan falsafah Jawa sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Malah sebagai seorang Jeneral tentera, nilai dan falsafah Jawa dikatakan turut diterapkan ke dalam *Doktrin Kepimpinan ABRI (Angkatan Bersenjata Republik Indonesia)*.

Menurut Low (2006) pula, Soeharto mengekalkan kejayaan pertumbuhan ekonomi dan berjaya membangunkan negara dengan menggembeng nilai-nilai yang bercirikan sosiobudaya berdasarkan akal budi tempatan masyarakatnya. Di bawah Presiden Soeharto, Indonesia secara beransur-ansur pulih daripada kemelut ekonomi yang teruk di bawah Sukarno. Soeharto selama 32 tahun mengerahkan tenaga rakyat kepada satu matlamat, membawa kestabilan politik dan kemakmuran kepada Indonesia.

Manakala Totok Sarsito (2010) menegaskan bahawa Soeharto mempunyai komitmen dan semangat yang tinggi untuk melaksanakan nilai-nilai pembudayaan dan falsafah Jawa didasarkan pada kepercayaan bahawa tidak sulit bagi bangsa Indonesia untuk memperbaiki kesedaran nya sebagai suatu bangsa Indonesia dalam kehidupan negara, kerajaan dan sosial berasaskan Pancasila sekiranya mereka faham tentang nilai-nilai pembudayaan Jawa.

Sehubungan dengan itu, pembangunan yang dilaksanakan oleh sebuah negara tidak boleh terlepas dari corak budaya yang diamalkan oleh pemimpin dan ahli masyarakatnya. Dalam hal ini, akal budi yang merupakan sosiobudaya yang diwarisi oleh masyarakat sebuah negara mendefinisikan bentuk pembangunan yang dirancangkan.

Walaupun bagaimanapun, penulisan sebelum ini mendapati bahawa nilai “Orientasi Kuasa” dan “Etika Kerja” lebih menonjol dan utama berbanding nilai “Perkauman/Kemasyarakatan” dalam pelaksanaan proses pembangunan Soeharto. Keputusan ini dilihat tidak begitu signifikan berbanding citra Jawa yang ditonjolkan di sepanjang pemerintahannya. Maka penulisan kali ini cuba mengusahakan penjelasan terhadap situasi ini.

## **SOROTAN KARYA**

Gaya dan watak kepimpinan yang dihubungkan dengan konsep budaya serta pegangan nilai setempat (*local wisdom*) dalam menerajui pembangunan dilihat masih kurang di kaji. Pemboleh ubah – pemboleh ubah nilai-budaya seperti nilai, norma, sikap, pandangan dunia (*worldview*), kepercayaan tradisi dan sebagainya dijadikan objek panduan serta analisis kajian. Melalui pemboleh ubah yang dinyatakan, ahli antropologi atau ahli sosiologi akan mengeluarkan pandangan, sama ada anutan nilai-budaya sebuah masyarakat bersesuaian atau tidak dengan ciri-ciri pemodenan yang ingin dinikmati. Walaupun analisis nanti akan

melahirkan dua pola, sama ada positif atau negatif, namun kebanyakan masyarakat akan mengekalkan ciri-ciri tradisi yang baik kerana melaluinya jati diri dapat dikekalkan, solidariti dapat diperkemas, kesejahteraan dapat dinikmati dan yang lebih penting budaya dan agama yang sekian lama dianuti dapat dipertahankan kemurniannya (Abdul Rahman, 2006).

Kerangka besar bagi sesuatu nilai dan akal budi itu ialah “kebudayaan”. Koentjaraningrat (1985) menyatakan bahawa kebudayaan yang berasal dari kata Jawa “buddhaya” atau “kebudayaan” bermaksud “usaha rohani dari pihak manusia” untuk mencapai sesuatu. Selain dari kata kebudayaan, istilah “peradaban” atau “tamadun” sering dipakai. Tokoh-tokoh di Barat seperti Francis Fukuyama dan P. Samuel Huntington sering silih berganti menggunakan istilah kebudayaan (culture) dan peradaban/tamadun (civilisation) dalam membincangkan hal nilai dan kebijaksanaan lokal.

Manakala nilai pula merupakan inti pati kepada kebudayaan. Nilai berperanan sebagai garis panduan, ikatan, pedoman, ukuran, tindakan, amalan, persepsi, pertimbangan dan sebagainya. Nilai ditakrifkan sebagai kepercayaan yang mendorong seseorang atau sesebuah institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan nilai-nilai utama masyarakat. Oleh yang demikian, nilai adalah pegangan dan keyakinan yang merupakan asas kepada sesuatu tindakan, khususnya matlamat yang hendak dicapai dalam tempoh tertentu (Mustafa, 1994; Mohd Tap et al., 1993).

Dalam melakukan kajian ini, penulisan telah merujuk kepada satu kajian empirikal yang dilakukan oleh So Young Kim bertajuk *Do Asian Values Exist? Empirical Tests of the Four Dimension of Asian Values* di dalam *Journal of East Asian Studies* 10 (2010). Beliau menyatakan bahawa terdapat empat (4) dimensi nilai yang sering di pergunakan apabila membincangkan tentang nilai masyarakat di Asia. Dimensi nilai tersebut ialah,

- i) Dimensi Nilai Kekeluargaan (Familism),
- ii) **Dimensi Nilai Perkauman dan Kemasyarakatan (Communalism/ Communitarianism),**
- iii) Dimensi Nilai Berorientasikan Kuasa (Authority Orientation)
- iv) Dimensi Nilai Etika Kerja (Work Ethic).

Sehubungan dengan itu, nilai “Perkauman/Kemasyarakatan” menjadi tumpuan dalam penulisan kali ini dengan melihat sejauh mana ia berperanan, berfungsi dan di manipulasi oleh pemimpin dalam menerajui pembangunan. Dalam hal ini, elemen perkauman dan kemasyarakatan bukan dimaksudkan sebagai rasialisme tetapi menetapkan bahawa; penting meletakkan kebajikan dan matlamat kumpulan berbanding keutamaan diri sendiri.

Jim Baker (2009) dalam bukunya *Crossroads* menyatakan jika ada pun elemen kepentingan individu dalam nilai Asia, ia digunakan semata-mata bagi kepentingan bersama kumpulan yang lebih besar. Ini jelas dalam konteks penguasaan ekonomi. Seterusnya hanya akan terus mencipta kestabilan, mengekalkan masyarakat yang menyimpan dengan etika kerja yang tinggi.

Hujah untuk keunggulan *communalism* ini turut dinyatakan oleh Lee Kuan Yew (1991) dengan “*A society with communitarian values where the interests of society take precedence over that of the individual*”. Manakala Bilahari Kausikan (1993) pula menekankan bahawa “*communitarian traditions of Asia*” lawan kepada “*adversarial traditions of the West*.”. Sementara itu, Fukuyama (2009) menyatakan ikatan kemasyarakatan yang disediakan oleh masyarakat Asia inilah dan bagi ramai yang membesar dalam budaya Asia, maka keakuran dan kekangan sosial ke atas individu hanyalah satu pengorbanan yang kecil.

Budaya Asia Timur berteraskan kerja berkumpulan daripada individu. Kumpulan bermula dengan unit paling kecil dan terdekat iaitu keluarga; dan diperluaskan menerusi pelbagai hubungan penaung-pelanggan yang dilalui semasa membesar dan menerima pendidikan, termasuk perbadanan tempatnya bekerja dan kumpulan terbesar yang mempunyai makna kepada budaya. Jati diri individu amat diselubungi oleh jati diri kumpulan; individu bukan bekerja demi manfaat jangka pendeknya sendiri tetapi demi kesejahteraan kumpulan yang lebih besar yang dianggotainya. Statusnya tidak begitu ditentukan oleh prestasinya sebagai individu tetapi oleh prestasi kumpulannya.

Fukuyama (2009) dalam memerihalkan budaya kerja berkumpulan membuat kesimpulan bahawa kesedaran kumpulan yang cukup maju adalah tipikal (lazim) di kawasan lain di Asia tetapi jauh berkurangan di Eropah dan hampir tiada langsung di Amerika Syarikat. Di Amerika Syarikat, konsep kesetiaan sepanjang hayat kepada satu perbadanan tunggal pasti tidak dapat difahami. Pengalaman kejayaan ekonomi tertentu di Asia dan Eropah menunjukkan bahawa antara negara yang berkongsi sistem ekonomi kapitalis dengan rangkaian dan insentif peribadinya, maka kepentingan diri sendiri yang menjadi asas teori ekonomi liberal Barat barangkali merupakan sumber motivasi yang kurang baik pada pelbagai kepentingan kumpulan tertentu.

## **SOEHARTO DAN SISTEM NILAI**

Sistem nilai Soeharto terbentuk sejak kecil. Beliau dilahirkan pada 8 Jun 1921 di Kemusuk, Argomulyo, Yogyakarta menerima pelbagai jenis asuhan dari sanak saudara dalam keluarga besar. Kehidupan tani telah mendedahkan beliau kepada pengalaman dan nilai pertama dalam kehidupan. Manakala pendidikan agama yang kukuh turut dibekalkan di sepanjang kehidupannya. Malah ketika beliau dibesarkan bersama pak cik dan makcik nya, beliau dilayan sebagai “anak sulung” yang perlu bertanggungjawab dalam segala hal.

Setelah berusia 14 tahun, Soeharto kembali ke kampung asalnya, Kemusuk untuk melanjutkan pelajaran Sekolah Menengah Pertama (SMP) Muhammadiyah di Yogyakarta. Kerjaya tenteranya bermula pada pada 1 Jun 1940 apabila diterima sebagai siswa di sekolah militer di Gombang, Jawa Tengah. Setelah enam bulan menjalani latihan asas, beliau tamat daripada sekolah tentera sebagai lulusan terbaik dan menerima pangkat koperal. Beliau terpilih sebagai pelatih teladan di Sekolah Bintara, Gombang dan secara rasmi menjadi anggota Tentera Nasional

Indonesia pada 5 Oktober 1945. Dalam hal ini secara jelas pengalaman Soeharto sangat dekat dengan elemen seorang petani dan tentera.

Namun nilai paling awal yang mendasari kehidupan beliau adalah nilai dalam keluarga dan masyarakatnya iaitu nilai Jawa. Menurut Totok Sarsito (2010), Soeharto menggunakan dan memanipulasikan nilai-nilai pembudayaan dan falsafah Jawa sebagai panduan sama ada untuk kepentingan peribadi atau di dalam melaksanakan pemerintahan. Beliau percaya bahawa beberapa pemikiran Jawa tradisional yang berbentuk panduan atau “*pituduh*” dan larangan atau “*wewaler*” apabila dilaksanakan akan menjadikan bangsa Indonesia “*berbudi bowo leksono*” iaitu berperilaku bijak dan bermurah hati atau “*becik sajatining becik*” iaitu baik dalam makna yang sesungguhnya. Soeharto mempunyai komitmen penuh untuk melaksanakan nilai-nilai pembudayaan dan falsafah Jawa.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian melibatkan pendekatan kualitatif. Analisis data dan pengkodan data menggunakan konsep *Computer Analysis Qualitative Data Analysis (CAQDAS)*. Perisian *Archive for Technology, the Life World and Everyday Language. Text Interpretation (ATLAS)*.ti versi 7 adalah digunakan bagi tujuan ini.

Berikut adalah Dokumen Teks Ucapan Soeharto seperti pada Jadual 1.

**Jadual 1:** Dokumen Teks Ucapan Soeharto

Bil	Kod	Dokumen Teks Ucapan / Tajuk	Jenis Teks	Tarikh / Tempat
1.	S1	Pidato Amanat Presiden Republik Indonesia Jeneral Soeharto pada Mesyuarah Kerja Nasional ke II bersama Golongan Karya		2 November 1967 / Djibogo Jakarta
2	S2	Pidato Amanat Presiden Republik Indonesia pada sambutan Mesyuarah Kerja Kordinasi Pemuda Sekretariat Bersama (SEKBER) Golongan Karya	<b>Ucapan Parti (GOLKAR/ PNI/PNU)</b>	28 September 1968 / Jakarta
3	S3	Pidato Amanat Presiden Republik Indonesia pada sambutan Pembukaan Sidang Majlis Pemesyuaratan Parti Nasional Indonesia (PNI) ke IV		03 April 1969 / Jakarta
4	S4	Pidato Amanat Presiden Republik Indonesia pada Sambutan Pembukaan Kongress ke XII Parti Nasional Indonesia (PNI)		11 April 1970/ Semarang
5	S5	Pidato Amanat Presiden Republik		20 Disember

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Dokumen Teks Ucapan / Tajuk</b>	<b>Jenis Teks</b>	<b>Tarikh / Tempat</b>
		Indonesia pada Sambutan Pembukaan Mukatamar Parti Nahdatul Ulama (PNU) ke XXV		1971 / Surabaya
6	S6	Pidato Amanat Presiden Republik Indonesia pada sambutan Peringatan Hari Ulang Tahun ke 45 Parti Nasional Indonesia (PNI)		17 Julai 1972 / Jakarta
7	S7	Menjelang Hari Raya Idul Fitri 1387 Hijrah dan Tahun Baru 1968 Masihi : Amanat Pejabat Presiden		31 Disember 1967 / Jakarta
8	S8	Laporan Akhir Tahun 1968 Kepada Seluruh Rakyat Indonesia : Presiden Republik Indonesia		31 Disember 1968 / Jakarta
9	S9	Pidato Akhir Tahun 1969: Presiden Republik Indonesia	<b>Ucapan Tahun Baru (Pidato Akhir Tahun)</b>	31 Disember 1969 / Jakarta
10	S10	Pidato Akhir Tahun 1970: Presiden Republik Indonesia		31 Disember 1970 / Jakarta
11	S11	Ucapan Sambutan Pada Penutupan Akhir tahun 1971: Presiden Republik Indonesia		31 Disember 1971 / Jakarta
12	S12	Pidato Akhir Tahun 1972: Presiden Republik Indonesia		31 Disember 1972 / Jakarta
13	S13	Pidato Kenegaraan 1967 Presiden Republik Indonesia: Di depan Sidang Dewan Perwakilan Rakyat Gotong Royong (DPR-GR)		16 Ogos 1967 / Jakarta
14	S14	Presiden Republik Indonesia Pidato Kenegaraan 1968: Di depan Sidang Dewan Perwakilan Rakyat Gotong Royong (DPR-GR)		16 Ogos 1968 / Jakarta
15	S15	Presiden Republik Indonesia Pidato Kenegaraan 1969: Di depan Sidang Dewan Perwakilan Rakyat Gotong Royong (DPR-GR)		16 Ogos 1969 / Jakarta
16	S16	Presiden Republik Indonesia Pidato Kenegaraan 1970: Di depan Sidang Dewan Perwakilan Rakyat Gotong Royong (DPR-GR)		16 Ogos 1970 / Jakarta
17	S17	Presiden Republik Indonesia Pidato	<b>Ucapan Kemerdekaan (Pidato</b>	16 Ogos 1971 /



Bil	Kod	Dokumen Teks Ucapan / Tajuk	Jenis Teks	Tarikh / Tempat
		Kenegaraan 1971: Di depan Sidang Dewan Perwakilan Rakyat Gotong Royong (DPR-GR)	<b>Kenegaraan)</b>	Jakarta
18	S18	Presiden Republik Indonesia Pidato Kenegaraan 1972: Di depan Sidang Dewan Perwakilan Rakyat Gotong Royong (DPR-GR)		16 Ogos 1972 / Jakarta

Teks ucapan yang menjadi fokus kajian ini ialah i) Teks Ucapan Parti, ii) Teks Ucapan Tahun Baru dan iii) Teks Ucapan Kemerdekaan. Rangkaian teks ucapan ini telah dipilih kerana ciri-ciri teks ucapan tersebut mempunyai kepentingan daripada pelbagai perspektif dalam melengkapkan kajian. Ketiga-tiga teks juga merupakan teks rasmi yang paling luas liputannya kepada masyarakat serta konsisten penyampaiannya dari tahun ke tahun. Ia menyatakan hasrat seseorang pemimpin serta menggariskan agenda-agenda umum pembangunan negara kepada sebahagian besar masyarakatnya. Di samping itu, ketiga-tiga teks ucapan tersebut adalah saling melengkapi apabila berkaitan dengan dasar dan pendekatan yang ingin disampaikan oleh Soeharto sebagai ketua badan eksekutif atau ketua dalam sesebuah parti.

Bacaan kali pertama dilakukan kepada setiap teks ucapan bagi membiasakan pengkaji dengan gaya bahasa, kaedah penyampaian serta memahami keseluruhan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh Soeharto di dalam teks ucapannya. Kemudian bacaan kali kedua dilakukan untuk mengenal pasti perenggan ucapan yang mempunyai “nilai pembangunan” terkait dengan “Nilai Asia” dan “Akal Budi Tempatan” (local wisdom). Perkara yang terpenting pada tahap ini adalah dengan mengklasifikasikan nilai berdasarkan Dimensi Nilai yang telah ditetapkan. Manakala bacaan kali ketiga pula mengkhusus kepada perenggan-perenggan yang telah dikenal pasti dan diklasifikasikan Dimensi Nilai dan “Nilai Pembangunan” nya. Ia diulang baca bagi memastikan klasifikasi Dimensi Nilai yang telah ditetapkan sebelum ini (bacaan kedua) adalah tepat dan sesuai dengan maksud keseluruhan ucapan yang ingin disampaikan.

## “PIDATO KENEGARAAN” SEBAGAI RANGKAIAN TEKS UCAPAN UTAMA

Jadual 2 dan Rajah 1 menunjukkan analisa kecenderungan memusat setiap teks ucapan Soeharto (S1 hingga S18) kepada setiap Dimensi Nilai (D<sub>E</sub>, D<sub>P</sub>, D<sub>E</sub> dan D<sub>K</sub>). Terdapat lapan belas (18) teks ucapan Soeharto yang meliputi tiga (3) rangkaian ucapan.

**Jadual 2:** Taburan Kecenderungan Rangkaian Teks Ucapan Soeharto Kepada Dimensi Nilai

Teks	GOLKAR/PNI/PNU	Teks	Pidato Akhir Tahun	Teks	Pidato Kenegaraan
------	----------------	------	--------------------	------	-------------------

Kod	D <sub>B</sub>	D <sub>P</sub>	D <sub>E</sub>	D <sub>K</sub>	Jum	Kod	D <sub>B</sub>	D <sub>P</sub>	D <sub>E</sub>	D <sub>K</sub>	Jum	Kod	D <sub>B</sub>	D <sub>P</sub>	D <sub>E</sub>	D <sub>K</sub>	Jum
S1	3	3	8	1	15	S7	24	15	22	9	70	S13	62	41	30	23	156
S2	2	3	5	0	10	S8	13	13	7	6	39	S14	44	10	16	6	76
S3	6	5	3	1	15	S9	6	7	8	1	22	S15	19	15	14	5	53
S4	15	14	13	2	44	S10	13	8	10	7	38	S16	24	17	19	6	66
S5	5	2	3	1	11	S11	15	10	25	6	56	S17	16	13	26	3	58
S6	1	2	0	1	4	S12	34	22	28	11	95	S18	18	11	9	5	43
<b>Jum</b>	<b>32</b>	<b>29</b>	<b>32</b>	<b>6</b>	<b>99</b>	<b>Jum</b>	<b>105</b>	<b>75</b>	<b>100</b>	<b>40</b>	<b>320</b>	<b>Jum</b>	<b>183</b>	<b>107</b>	<b>114</b>	<b>48</b>	<b>452</b>
<b>%</b>	<b>11%</b>					<b>37%</b>					<b>52%</b>						


Petunjuk :

D<sub>B</sub> = Dimensi Berorientasikan Kuasa

D<sub>P</sub> = Dimensi Perkauman/Kemasyarakatan

D<sub>E</sub> = Dimensi Etika Kerja

D<sub>K</sub> = Dimensi Kekeluargaan




**Rajah 1:** Peratus Kecenderungan dan Keutamaan Rangkaian Teks Ucapan Soeharto Kepada Dimensi Nilai

Berdasarkan kepada Jadual Taburan Kecenderungan dan Rajah Peratusan di atas, sebanyak 871 petikan teks ucapan berperenggan telah dikenal pasti untuk dikaitkan dengan Dimensi Nilai yang ditetapkan. Rangkaian Pidato Kenegaraan Soeharto (S13 hingga S18) mencatatkan petikan tertinggi iaitu sebanyak 452 petikan teks. Ia meliputi 52 peratus daripada keseluruhan teks ucapan dan sekali gus menjadi rangkaian teks dominan berbanding rangkaian teks-teks lain. Teks S13 pula dikenal pasti sebagai teks ucapan yang paling banyak dipetik serta dikaitkan dengan Dimensi Nilai iaitu 156 petikan perenggan. Secara umumnya, kesemua Rangkaian Pidato Kenegaraan Soeharto mempunyai jumlah Dimensi Nilai yang tinggi berbanding Rangkaian Pidato Akhir Tahun (S7 hingga S12) dan Rangkaian Amanat GOLKAR/PNI/PNU (S1 hingga S6).

### “PERKAUMAN/KEMASYARAKATAN” SEBAGAI DIMENSI NILAI SOEHARTO

Berikut Rajah 2 adalah analisis kecenderungan petikan teks Soeharto kepada setiap Dimensi Nilai kajian.



**Rajah 2:** Kecenderungan Petikan Teks Soeharto Kepada Dimensi Nilai

Berdasarkan kepada Rajah 2 di dapati bahawa Dimensi Nilai “Perkauman/Kemasyarakatan” menjadi dimensi nilai ketiga penting di dalam petikan teks ucapan Soeharto. Sebanyak 211 petikan teks ucapan dikenal pasti cenderung dipengaruhi dengan nilai-nilai ini. Ia meliputi 24 peratus daripada keseluruhan petikan teks. Nilai “Perkauman/Kemasyarakatan” di Indonesia dilihat lebih universal dan bersifat sejagat dengan merujuk kepada seluruh kesatuan serta persatuan “Bangsa Indonesia” itu sendiri sebagai satu entiti khusus. Ia sememangnya berbeza berbanding negara-negara jirannya lain seperti Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand.

Dalam hal ini, Indonesia tidak boleh mempunyai nilai “Perkauman/Kemasyarakatan” yang sempit. Ini kerana dengan lebih 300 kelompok etnik atau suku bangsa, ia mampu menjadi satu pergolakan etnik yang dahsyat. Walau bagaimanapun etnik Jawa merupakan kelompok terbesar dari keseluruhan populasi namun ia sekadar diterjemahkan melalui latar kepimpinan tertinggi. Oleh yang demikian, kepimpinan yang berasaskan nilai Jawa hadir secara langsung mahupun tidak langsung dalam pembangunan yang dirancang.

Dimensi Nilai yang bersifat universal di Indonesia dapat disusuri melalui sejarah awal Pengisytiharan (Proklamasi) Kemerdekaan “Republik Indonesia” itu sendiri. Proklamasi pembentukan sebuah negara yang berbentuk “Kesatuan” ini berlangsung pada 17 Ogos 1945 itu sekali gus telah memulakan Revolusi Nasional Indonesia di mana perjuangan bersenjata (dan diplomatik) oleh pelbagai pihak terhadap kerajaan Belanda dan sekutunya. Revolusi ini telah membina dan mengumpul nilai perjuangan serta persaudaraan di kalangan rakyat berbilang suku di Indonesia.

Namun apabila Belanda mengiktiraf Republik Indonesia pada 27 Disember 1949 sebagai sebuah Republik Indonesia Sarikat (RIS) yang berbentuk Persekutuan (federal) ia tidak dapat memuaskan hati sebahagian besar rakyat. RIS dilihat akan menimbulkan perpecahan malah merupakan strategi Belanda untuk mengekalkan kuasanya. Paling utama RIS tidak sesuai dengan keperibadian bangsa Indonesia dan menyalahi aspirasi Proklamasi Kemerdekaan Indonesia yang termaktub.

Oleh yang demikian gerakan besar-besaran berupa rapat umum dan demonstrasi telah dilakukan untuk mengubah bentuk negara RIS yang federal menjadi Negara Kesatuan. Ia sesuai dengan cita-cita asal proklamasi kemerdekaan 1945 yang disepakati. Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI) yang dicita-citakan ialah sebuah negara kesatuan berdaulat di mana pemerintah pusat adalah tertinggi dan daerah (provinsi) hanya menjalankan pentadbiran yang di delegasi. Sebahagian besar negeri-negeri yang tergabung dalam RIS mendukung untuk terbentuknya Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI) ini (Poesponogoro, 2008).

Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI) merupakan hasrat tertinggi dalam membentuk kesatuan bangsa Indonesia sekali gus meraikan nilai-nilai “perkauman/kemasyarakatan” yang bersifat sejagat. Ia tercatat dalam Perkara 4 Pembukaan Undang-Undang Dasar Negara Republik Indonesia 1945 iaitu “.....membentuk suatu pemerintah Negara Indonesia yang melindungi segenap bangsa Indonesia dan seluruh tumpah darah Indonesia dan untuk memajukan kesejahteraan umum, mencerdaskan kehidupan bangsa, dan ikut melaksanakan ketertiban dunia yang berdasarkan kemerdekaan, perdamaian abadi dan keadilan sosial.” Pada 17 Ogos 1950, RIS secara rasmi dibubarkan dan Indonesia kembali ke bentuk negara Kesatuan seperti yang dicita-citakan.

#### NILAI-NILAI TERBITAN DALAM DIMENSI NILAI “PERKAUMAN/KEMASYARAKATAN”

Jadual 3 di bawah menyenaraikan nilai-nilai terbitan yang diperoleh berdasarkan kepada analisis teks ucapan Soeharto dari klasifikasi Dimensi Nilai “Perkauman/Kemasyarakatan”.

Jadual 3

*Nilai Terbitan Untuk Dimensi Nilai “Perkauman/Kemasyarakatan” Soeharto*

Perkauman/Kemasyarakatan							
Bil	Nilai Terbitan	Jumlah	%	Bil	Nilai Terbitan	Jumlah	%
	Aman / Damai / Makmur						
1.	Sejahtera / Harmonis	43	16	6.	Keadilan Sosial	20	7
2.	Gotong-royong / Muafakat / Sepakat	27	10	7.	Kebersamaan (Sederap)	38	14
3.	Usaha / Pengorbanan	16	6	8.	Tanggungjawab Jati Diri &	27	10
4.	Musyawaharah	19	7	9.	Kebudayaan Norma &	12	4
5.	Kesatuan / Persatuan	43	16	10.	Tatatertib	19	7
				11.	Lain- lain	5	2
					<b>Jumlah</b>	<b>269</b>	<b>100.00</b>

Berdasarkan Jadual 3 di atas, terdapat sebelas (11) Nilai Terbitan dikenal pasti dari Dimensi Nilai “Perkauman/Kemasyarakatan”. Nilai Terbitan tunggal yang paling dominan dan sering kali diulang-ulang nilainya secara langsung ialah nilai “Kesatuan” dan “Persatuan” masyarakat. Nilai “Kesatuan” merujuk kepada harapan Soeharto terhadap keadaan masyarakatnya yang satu (sama) dalam kehidupan bernegara. Ia di perkukuhkan dengan nilai “Persatuan” yang juga merujuk kepada

gabungan dan ikatan dalam kumpulan masyarakat. Terdapat 43 petikan nilai yang khusus merujuk kepada nilai ini.

Nilai Terbitan seerti yang paling dominan dan sering kali diulang-ulang nilainya secara langsung dan tidak langsung pula ialah nilai “Aman”/ “Damai”/ “Makmur”/ “Sejahtera”/ “Harmonis”. Nilai ini juga berkongsi sejumlah 43 petikan teks ucapan seperti nilai “Kesatuan”/“Persatuan”. Nilai “Aman” merujuk kepada harapan Soeharto terhadap masyarakatnya agar hidup bebas merdeka daripada kacau bilau peperangan, pergaduhan dan permusuhan sama ada sesama masyarakat mahupun dengan dunia luar. Begitu juga dengan nilai “Damai” yang merujuk kepada tidak berperang, tidak bermusuhan atau berselisihan sesama sendiri. Manakala nilai “Makmur” merupakan nilai padanan yang mengharapakan hasil yang banyak serta serba cukup kehidupan masyarakatnya. Nilai “Sejahtera” juga sering diulang-ulang yang membawa erti masyarakat perlu aman makmur, senang dan tenteram serta terpelihara dari bencana kesusahan dan gangguan. Semua harapan terhadap masyarakat ini di akhiri dengan nilai “Harmonis” menyeru rakyatnya selaras, seimbang, sepadan dan sesuai di antara satu sama lain.

Nilai “Kebersamaan” (Sederap) dengan jumlah petikan sebanyak 38 petikan menjadi Nilai Terbitan ketiga dominan dalam Dimensi Nilai “Perkauman/Kemasyarakatan” Soeharto. Nilai “Kebersamaan” adalah merujuk kepada keadaan atau hal bersama-sama anggota masyarakat sederap (serentak) dalam melakukan apa sahaja hasrat dan niat pembangunan.

Selain daripada tiga (3) Nilai Terbitan dominan ini, terdapat lapan (8) Nilai Terbitan lainnya. Nilai “Gotong-royong”/ “Muafakat”/ “Sepakat” (27 petikan) merujuk kepada nilai bekerjasama seia sekata dan nilai ini dianggap serumpun dalam konteks bahasa Indonesia. Turut berkongsi jumlah petikan yang sama (27 petikan) ialah nilai “Tanggungjawab” yang mana setiap masyarakat berkewajipan menanggung beban yang dipertanggungjawabkan ke atas dirinya. Manakala nilai “Keadilan Sosial” (20 petikan) sering kali dipromosikan oleh Soeharto secara langsung dalam ucapannya yang mana penekanan kepada pembahagian kekayaan dan sumber daya negara yang adil kepada masyarakat diutamakan. Soeharto juga sering memberikan ingatan dalam konteks nilai “Musyawarah” (19 petikan) yang mana apa-apa permasalahan mahupun pembangunan hendaklah melalui proses perundingan dengan pihak-pihak lain serta wajib dilakukan bagi mencapai sebarang persetujuan atau penyelesaian masalah.

Dalam Dimensi Nilai “Perkauman/Kemasyarakatan” ini, nilai “Norma” dan “Tatatertib” saling berpadanan dan sangat ditekankan. “Norma” bermaksud peraturan atau ketentuan yang telah menjadi kebiasaan yang dijangka akan dipatuhi manakala “Tatatertib” ialah peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat. Dalam hal ini nilai “Norma” dan “Tatatertib” mencatatkan 19 petikan.

Nilai Terbitan “Jati Diri” dan “Kebudayaan” juga dikenal pasti dalam 12 petikan ucapan Soeharto dan saling berkaitan. Nilai “Jati Diri” merujuk kepada sifat atau ciri unik dan istimewa bangsa Indonesia dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya yang menjadi teras dan lambang keperibadian. Ia diperkukuhkan

dengan nilai “kebudayaan” itu sendiri yang merupakan keseluruhan cara hidup yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan mahupun kerohanian.

Akhir sekali terdapat 9 petikan yang dikategorikan sebagai “Lain-lain” kerana tidak mengkhusus pada mana-mana Nilai Terbitan atau hanya mempunyai satu Nilai Terbitan atau petikan teksnya diklasifikasikan sebagai “Perkauman/Kemasyarakatan” tetapi berupa seruan ucapan umum.

## **SOEHARTO DAN PENERAPAN NILAI “PERKAUMAN / KEMASYARAKATAN” DI INDONESIA**

Di era Soeharto, Dimensi Nilai “Perkauman/Kemasyarakatan” di perkukuhkan lagi dengan penetapan dasar langsung seperti pengelompokan parti-parti politik kepada tiga parti utama sahaja. Dalam satu ucapannya pada tahun 1970 di hadapan Kongres Partai Nasional Indonesia (PNI) beliau menyatakan

“Pengelompokan partai-partai tidak boleh lagi kita adakan berdasarkan persamaan “ideologi”. Apatah lagi pengelompokan “ideologi” yang dibuat-buat seperti “NASAKOM” hingga membawa kepada kecelakaan Bangsa kita. Persoalan ideologi telah lama kita selesaikan sejak tahun 1945. Hampir seperempat abad yang lalu seluruh Bangsa Indonesia telah mengambil keputusan untuk menjadikan Panca Sila sebagai dasar Indonesia Merdeka.”

Soeharto sering menyatakan bahawa pembangunan di Indonesia harus dikembangkan dengan memahami sebaik-baiknya “manusia” Indonesia itu sendiri. Beliau juga menyatakan yang pengurusan di Indonesia tidak seluruhnya berbeza dari pengurusan lain tetapi perbezaan khasnya terletak pada dimensi kemanusiaan (manusiawi) yang merujuk kepada ciri-ciri hidup yang lebih mulia dan abadi. Soeharto mempunyai kepercayaan bahawa Pancasila merupakan satu ideologi Nasional yang lengkap (integral) dan harus membudaya pada masyarakat. Ia mengutamakan gagasan tentang Negara yang bersifat “persatuan dan kesatuan” sehingga pancasila diformalkan menjadi satu-satunya asas bagi organisasi kekuatan politik dan organisasi keagamaan-kemasyarakatan lainnya. Kesetiaan kepada ideologi-ideologi selain pancasila akan disamakan dengan tindakan subversif.

Di masa Orde Baru pemerintah sangat mengutamakan “persatuan dan kesatuan” bangsa. Ia dipromosikan pada setiap ucapan Soeharto. Nilai pada “persatuan dan kesatuan” inilah yang diterjemahkan dengan begitu kerap kepada Dimensi Nilai “perkauman/kemasyarakatan”. Soeharto menuntut setiap rakyat benar-benar memahami tuntutan daripada istilah “persatuan dan kesatuan”. Ia bukan sekadar seruan biasa malah ditujukan khusus bagi tujuan pembangunan nasional.

Pengertian “persatuan dan kesatuan” di Indonesia menuntut pada keperluan gabungan kerjasama dan ikatan dari kumpulan-kumpulan kecil dan pelbagai. Persatuan merupakan sebuah persyarikatan, ikatan dan gabungan beberapa bahagian yang bersatu. Persatuan dan kesatuan berasal dari kata satu yang bererti utuh dan tidak terpecah belah. Persatuan memberi makna keterikatan beberapa

bahagian menjadi satu kesatuan, sedangkan kesatuan bererti keadaan yang merupakan satu keutuhan. Ia bererti bersatunya bermacam-macam corak yang beraneka ragam menjadi satu kebulatan yang utuh dan serasi.

Kemuncak kepada Dimensi Nilai “Perkauman/kemasyarakatan” ini terletak pada moto (semboyan) yang jelas terletak pada Garuda Pancasila (Jata Negara) iaitu *Bhinneka Tunggal Ika*. Frasa yang berasal dari bahasa Jawa Kuna (sastera) ini diterjemahkan sebagai “*Berbeza-beza tetapi tetap satu*”. Moto ini digunakan untuk menggambarkan “persatuan dan kesatuan” Bangsa dan Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI) yang terdiri atas beraneka ragam budaya, bahasa daerah, ras, suku bangsa, agama dan kepercayaan. Soeharto dalam Pidato Kenegaraan 1967 mengingatkan “*Pandangan hidup bangsa Indonesia, merupakan totalitas dan integritas keseluruhan kepribadiannya sebagai bangsa, ber bhinneka tunggal ika; berbeda-beda tetapi satu*”. Namun dalam Pidato Kenegaraannya yang lain (1969) Soeharto juga mengingatkan “*memang, kita berbeza dan boleh berbeza-beza. Lambang Negara kita sendiri telah menunjukkan hal itu, Bhinneka Tunggal Ika. Akan tetapi dengan perbezaan-perbezaan itu kita harus tetap perlu (dapat) mewujudkan persatuan Nasional*”.

Sesungguhnya “Persatuan dan Kesatuan” menjadi modal dasar bagi Soeharto dalam menerajui NKRI. Pembangunan nasional dapat dilaksanakan apabila adanya nilai ini dalam bangsa Indonesia. “Perkauman/Kemasyarakatan” yang bersatu dalam nilai persatuan akan mampu mengatasi segala cabaran dalam kehidupan bermasyarakat. Persatuan dan kesatuan dalam masyarakat juga mengembangkan nilai perpaduan (solidariti), kebersamaan, semangat toleransi, jati diri dan daya tahan masyarakat terhadap apa jua anasir luar.

Dalam satu kebijakan yang lebih luas, Soeharto di awal pemerintahannya telah memutuskan agar Indonesia kembali menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 28 September 1966. Ia sebenarnya telah meluaskan perspektif Dimensi Nilai “perkauman/kemasyarakatan” Indonesia ke peringkat antarabangsa. Dalam Pidato Kenegaraan tahun 1967 Soeharto menyatakan “Kita kembali ke dalam lingkungan PBB, kerana organisasi antarabangsa ini dapat dimanfaatkan untuk mewujudkan perdamaian dunia dan kebahagiaan umat manusia. Melalui organisasi internasional ini kita pun berusaha memperjuangkan kepentingan-kepentingan nasional kita dan mewujudkan aspirasi-aspirasi internasional bangsa kita. Begitu juga bagi tujuan keadilan dan persaudaraan yang di diskriminasi, Soeharto pada Pidato Kenegaraan 1972 menegaskan

“Kita juga selalu mengikuti pasang-surutnya perkembangan di Timur Tengah. Dalam hal ini sikap kita tidak pernah berubah. Kita mendukung resolusi Dewan Keamanan PBB mengenai masalah ini dan kita selalu berdiri bersama-sama bangsa-bangsa Arab dalam perjuangan mereka yang adil dan hak untuk memperoleh kembali wilayah dan kedaulatannya. (Soeharto, 1972)

## **CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG**

Kajian ini hanya melibatkan rangkaian teks ucapan pemimpin selama 5 atau 6 tahun kepimpinan yang dinisbahkan kepada 1 penggal pemerintahan. Ia dilakukan

bagi melihat kecenderungan awal aplikasi nilai Soeharto dalam menerajui pembangunan. Melalui nilai-nilai yang terbit maka satu kefahaman tentang watak, idea ke pemerintahan dan tindakan beliau dapat dijangkakan dan difahami. Dicadangkan agar kajian ini dilanjutkan kepada penggal-penggal pemerintahan seterusnya. Ia mampu mengumpul maklumat yang lebih berkesinambungan dan akhirnya menjadi satu kecenderungan aplikasi nilai yang lengkap di sepanjang pemerintahannya. Ia sekali gus dapat melihat perubahan corak-corak aplikasi nilai-nilai yang dilaksanakan oleh Soeharto khususnya dan setiap pemimpin amnya dalam mendepani cabaran semasa. Melaluinya juga satu penjelasan lengkap dapat diperolehi terkait dengan faktor-faktor kejayaan dan kegagalan seseorang pemimpin dalam membangunkan negara.

## **KESIMPULAN**

Soeharto terbukti sebagai pemimpin yang begitu menyerlah pemikirannya melalui kata-kata yang bernas dengan tindakan yang berhasil. Beliau adalah “petugas pembangunan” yang cemerlang dalam sebuah Negara Pembangun. Tugas terpentingnya iaitu “membangunkan manusia” dengan mengeluarkan masyarakat dari kepompong kemiskinan melalui agenda-agenda pembangunan terancang. Aplikasi akal budi tempatan dengan andaian bahawa negara harus berubah dengan “acuan sendiri” sekiranya mahu maju dan dihormati pihak luar adalah cukup berkesan. Malah kejayaan demi kejayaan yang diperolehi juga membuktikan beliau sebagai pemimpin yang berorientasikan matlamat dan pencapaian.

Soeharto bukan sekadar menyediakan pembangunan pada negaranya malah bertanggungjawab menyediakan keselamatan, kesejahteraan dan suasana kondusif di peringkat Asia Tenggara. Soeharto juga merupakan penganalisis, pemikir, pengkritik, pencetus perubahan, reformer, pembaharu malah perancang yang strategik dengan matlamat yang jelas. Beliau mengambil amanah kemerdekaan sebaik mungkin dan kemudian membawa negara ke satu tahap cemerlang, gemilang dan terbilang. Beliau membimbing mental dan fizikal masyarakat untuk mendepani cabaran global. Ia dilakukan dengan penuh nilai-nilai paternal (kebapaan) seorang pemimpin.

Sebagai seorang “*Father Know Best*” (kebapaan), Soeharto sangat risaukan masa depan masyarakatnya yang relatif muda dari segi minda. Masyarakat sentiasa diingatkan bagi mempertahankan apa yang telah diperolehi iaitu kemerdekaan. Demokrasi harus terkawal dan pandai di kawal. Tidak wujud istilah demokrasi liberal di rantau Asia. Nilai-nilai liberal harus dikawal dengan kembali kepada nilai-nilai positif Asia.



## RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2006). *Nilai dan etika dalam pembangunan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Gafur. (1987). *Pak Harto pandangan dan harapannya*. Jakarta: Pustaka Kartini.
- David Bouchier & Vedi R. Hadiz. (Editor) (2006). *Pemikiran sosial dan politik Indonesia periode 1965-1999*. Jakarta: PT Pustaka Utama Grafiti.
- Francis Fukuyama. (2009). *Penamat sejarah dan manusia terakhir*. (Penterjemah: Shamsiah Md Said). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Huntington, S. P. (1993). The clash of civilization? *Foreign Affairs*, 72:3 (Summer 1993), pp. 22-49.
- Keith Loveard. (1999). *Suharto: Indonesia's last sultan*. Singapore: Horizon Books Pte Ltd.
- Koentjaraningrat. (1985). *Kebudayaan, mentalitas dan pembangunan*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Mohd Tap Salleh, Zakaria Ahmad & Syed Zulflida Syed Mohd Noor. Penyunting. (1993). *Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Othman Talib. (2013). *ATLAS.ti pengenalan analisis data kualitatif 140 ilustrasi langkah demi langkah*. Serdang: MPWS Resources.
- Roeder, O.G. (1969). *The smiling general president Soeharto of Indonesia*. Jakarta: Gunung Agung Ltd.
- Elson, R.E. (2001). *Suharto a political biography*. Australia: Cambridge University Press.
- Low, K. C. P. (2006). Father leadership: The Singapore case study. *Managemnet Decision*, 44(1), hal 89-104. Doi 10.1108/002517406 10641481.
- Mahathir, M. (1999). *Kebangkitan semula Asia*. Kelana Jaya: Pelanduk Publication.
- Soeharto. (1989). *Soeharto: Pikiran, ucapan dan tindakan saya (seperti dipaparkan kepada G. Dwipayana dan Ramadhan K.H)*. Jakarta: PT. Citra Lamtoro Gung Persada.
- So, Y. K. (2010). Do asian values exists? Empirical test of the four dimension of Asian values. *Journal of East Asian Studies* 10, hal 315-344.
- Vatikiotis, M. R. J. (1995). *Indonesian politics under Suharto: Development and pressure for change*. New York: Routledge.
- Yayasan Idayu. (1985). *Amanat kenegaraan: Kumpulan pidato kenegaraan di depan sidang Dewan Perwakilan Rakyat*. (Jilid 1 – 1967-1971). Jakarta: Inti Idayu Press.
- Yayasan Idayu. (1985). *Amanat kenegaraan: Kumpulan pidato kenegaraan di depan sidang Dewan Perwakilan Rakyat*. (Jilid 2 – 1972-1976). Jakarta: Inti Idayu Press.